



BOLA SEPAK

1. NAMA

1.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) akan mengelolakan satu pertandingan bolasepak yang dinamakan MASUM Uni-League 2010 dimana penyertaan adalah dibuka kepada ahli-ahli MASUM yang diundang atau lain-lain pasukan yang dijemput daripada semasa ke semasa.

1.2 Piala akan disediakan seperti berikut:-

1.2.1 Piala MASUM

1.3 Pasukan-pasukan boleh diberi hadiah wang tunai yang ditentukan oleh MASUM untuk kemenangan.

1.4 Pasukan-pasukan yang menjadi Johan, Naib Johan dan Ketiga akan menerima 32 pingat emas, 32 pingat perak dan 32 pingat gangsa.

1.5 Hak kawalan dan pengurusan pertandingan ini pada keseluruhannya adalah terletak kepada pihak MASUM yang boleh memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

2. PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN

2.1 Setiausaha Agung atas arahan MASUM akan menjemput penyertaan daripada ahli-ahli dan lain-lain pasukan yang ingin di undang oleh MASUM dan hendaklah menetapkan tarikh tutup penyertaan tersebut.

2.2 Setiap pasukan yang menyertai pertandingan adalah tertakluk kepada semua Peraturan dan keputusan-keputusan MASUM atau Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

2.3 Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan bagi mewakili universiti di mana beliau mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa.

2.4 Borang pendaftaran pasukan dan pemain mestilah dihantar bersama-sama dengan salinan kad matrik.

3. SISTEM PERTANDINGAN

Mengikut Peraturan Am Sukan Teras MASUM (Perkara 10.1 dan 10.2)

4. JADUAL SERTA WARNA PASUKAN

4.1 Jawatankuasa Pengelola Pertandingan hendaklah menyusun jadual perlawanan dan hendaklah diedarkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum bermulanya pertandingan.

4.2 Sekiranya terdapat persamaan warna pakaian yang dengan syarat tuan rumah memakai warna sebagaimana yang mereka isytiharkan mengikut Peraturan, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna pakaian mereka. Begitu juga sekiranya pasukan tuan rumah memakai warna pakaian lain dari apa yang mereka isytiharkan mengikut Peraturan, maka pasukan tuan rumahlah yang dikehendaki menukar pakaian mereka.

4.3 Pemain hendaklah memakai jersi yang mempunyai nombor yang tingginya tidak kurang daripada sepuluh (10) inci manakala nombor di sebelah kanan seluar hendaklah dua (2) inci tingginya sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai rasmi yang dikemukakan. Nombor jersi hendaklah dari satu (1) hingga dua puluh lima (25) sahaja.

4.4 Semua pasukan dikehendaki mempunyai set jersi kedua dengan warna berlainan daripada jersi set pertama.

4.5 Kedua-dua set jersi ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan sebelum bermulanya pertandingan.

5. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

5.1 Undang-Undang Permainan hendaklah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

5.2 Undang-Undang penggantian FIFA dari tujuh (7) pemain simpanan yang dikenalpasti terlebih dahulu akan berkuatkuasa dalam masa sesuatu perlawanan termasuk masa tambahan.

5.3 Setiap pasukan dibenarkan membuat pertukaran maksima lima (5) pemain dalam sesuatu perlawanan. Mana-mana pemain yang kena ganti ini tidak boleh bermain lagi dalam perlawanan tersebut termasuk mengambil sepakan dari tanda penalti.

5.4 Ketua setiap pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersinya. Sekiranya Ketua Pasukan digantikan, maka lilitan lengan tersebut diberi pula kepada pemain yang mengambil alih sebagai Ketua Pasukan.

6. MASA PERLAWANAN

6.1 Masa permainan ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit kecuali dengan izin Pengadil.

6.2 Apabila masa tambahan ditetapkan, maka masa tambahan itu mestilah mengandungi dua (2) bahagian selama 15 minit tiap-tiap bahagian, dengan rehat lima (5) minit pada akhir masa yang ditentukan tetapi tidak antara masa tambahan itu. Pemain tidak boleh meninggalkan padang permainan semasa waktu rehat kecuali dengan kebenaran pengadil perlawanan.

7. WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti tercatat dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh di tukar dengan kelulusan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

8. SEPAKAN DARI TANDA PENALTI

Sepakan dari tanda penalti, jika dibenarkan, hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

9. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

9.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan dan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan itu hendaklah dilangsungkan pada keesokkan harinya ditempat yang sama dan pada masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

9.2 Jika perlawanan itu terpaksa ditangguhkan lagi kerana sebab-sebab seperti di atas, maka tarikh baru perlawanan yang ditangguhkan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

9.3 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana tingkahlaku penonton, pegawai atau pemain satu (1) pasukan yang tidak memuaskan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan boleh mengambil keputusan-keputusan berikut:

9.3.1 Kemenangan diberi kepada pasukan yang lain dengan tiga (3) mata dan jaringan gol 3 – 0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.

9.3.2 Denda

9.3.3 Penggantungan pasukan untuk beberapa perlawanan atau musim-musim berikut.

10. BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI

10.1 Sekiranya kurang dari sepuluh (10) orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai sepuluh (10) orang pemain atau lebih di padang hendaklah di beri kemenangan percuma dengan jaringan gol 3 – 0.

10.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan sepuluh (10) orang pemain atau lebih apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang akan mengambil tindakan yang difikirkan perlu.

11. TARIK DIRI ATAU GAGAL BERMAIN

11.1 Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri selepas melayakkan diri ke mana-mana pertandingan, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pasukan tersebut itu oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

11.2 Sekiranya mana-mana pasukan mengugut menarik diri atau menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari MASUM, maka pasukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 10 000.00 dan boleh digantung daripada menyertai pada musim atau beberapa musim berikutnya.

11.3 Sekiranya sesebuah pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamat perlawanan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan mengambil tindakan seperti tersebut dalam para 8.3 dan para 10.2.

11.4 Mana-mana pegawai atau pemain yang terbukti telah membantu atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah para 10.2 dan atau para 10.3 adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan penggantungan atau denda ataupun kedua-duanya sekali.

11.5 Walaupun seseorang pengadil telah membuat kesilapan dalam taksiran Undang-Undang Permainan sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) pasukan yang berkenaan hendaklah bermain sehingga tamat perlawanan dan boleh membuat rayuan terhadap keputusan tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang keputusannya adalah muktamad.

12. URUSAN PADANG

12.1 Pengurus Venue hendaklah bertanggungjawab atas segala urusan padang dan penyediaan empat (4) biji bola perlawanan baru yang hendaklah mematuhi Undang-Undang Permainan bagi setiap perlawanan. Mereka hendaklah juga bertanggungjawab menyediakan bilangan pemungut bola yang mencukupi. (6 orang)

12.2 Hanya stadium dan venue yang diluluskan selepas diperiksa sahaja akan dibenarkan untuk digunakan.

12.3 Padang latihan yang diiktiraf dan dilengkapi dengan semua peralatan hendak disediakan oleh Pengurus Venue bagi pasukan untuk berlatih dan dimaklumkan kepada MASUM.

13. KAWALAN KESELAMATAN DAN KELAKUAN PENYERTAAN

13.1 Pasukan tuan rumah hendaklah bertanggungjawab atas:-

13.1.1 Kelakuan baik para pegawai, pemain dan penonton

13.1.2 Mengambil langkah keselamatan yang digariskan dalam Peraturan Keselamatan Persatuan Bolasepak Malaysia.

13.1.3 Mengambil segala langkah pencegahan untuk menentukan tiada kejadian tidak diinginkan berlaku.

13.2 Pasukan tuan rumah adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan pelawat daripada masa pasukan pelawat itu masuk ke kampus tuan rumah sehingga pasukan pelawat itu balik ke universiti dan diantaranya.

13.3 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib mendapati pasukan tuan rumah cuai menjalankan tanggungjawab ini, maka Jawatankuasa Tatatertib akan melapor dan mengesyorkan jenis tindakan yang boleh diambil oleh Majlis dan diantaranya adalah seperti berikut:-

13.3.1 Amaran

13.3.2 Denda

13.3.3 Penggantungan pasukan.

13.3.4 Penggantungan pemain dan atau pegawai yang terlibat.

13.3.5 Penggantungan padang perlawanan untuk tempoh tertentu.

13.3.6 Atau lain-lain tindakan yang difikirkan sesuai.

13.3.7 Langkah yang sama boleh diambil terhadap pasukan pelawat sekiranya berlaku sesuatu kejadian akibat salah laku para pemain, pegawai atau penyokong kelolaannya yang dikenalpasti.

14. TINDAKAN TATATERTIB

14.1 Tindakan tatatertib yang akan diambil telah digariskan dalam Peraturan Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia dan Majlis Sukan Universiti Malaysia.

14.2 Tindakan disiplin yang diambil dalam mana-mana perlawanan yang ditangguhkan akan diambil kira dan sebaliknya pemain-pemain yang dijalankan tindakan tatatertib dalam perlawanan yang ditangguhkan itu akan dianggap telah menyempurnakan tindakan tatatertib mereka.

14.3 Keputusan disiplin yang diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta dan hanya akan dipinda atau dimansuhkan selepas Jawatankuasa Rayuan mengambil keputusan sedemikian.

14.4 Pemain yang menerima dan mengumpul 2 kad kuning dalam perlawanan yang berlainan secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.

14.5 Pemain yang menerima dan mengumpul 2 kad kuning serta 1 kad merah dalam satu perlawanan secara automatik akan digantung 1 perlawanan berikutnya.

14.6 Pemain yang melakukan kekasaran dan menerima kad merah secara terus secara automatik akan digantung 2 perlawanan berikutnya. Pihak lembaga disiplin pemain akan bermesyuarat dan menentukan hukuman yang sewajarnya berdasarkan kekasaran yang dilakukan.

15. BANTAHAN

15.1 Bantahan terhadap keputusan atau soal pemain yang tidak layak mestilah di hantar secara bertulis kepada Pengerusi Sekretariat Liga Bolasepak Universiti 2010 dan hendaklah diterima dalam tempoh 72 jam selepas tamatnya perlawanan berkenaan dan disertai dengan RM 250.00 sebagai cagaran. Sekiranya bantahan diterima maka wang cagaran yang akan dikembalikan hanya sebanyak RM 200.00 sahaja. RM 50.00 akan dikenakan sebagai yuran proses.

15.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang dibuat oleh pengadil di padang permainan.

16. PEGAWAI PERTANDINGAN

16.1 Jawatankuasa Pengadil hendaklah melantik Pengadil, Penolong Pengadil dan Pengadil Simpanan dari kalangan Pengadil Kebangsaan yang berdaftar dengan Persatuan.

16.2 Pengadil Kelas 1 Negeri boleh digunakan atas budi bicara Jawatankuasa Pengadil.

16.3 Sekiranya mana-mana pegawai perlawanan tidak hadir pada waktu yang diiklankan bagi sesuatu perlawanan, keputusan wakil Persatuan adalah muktamad.

16.4 Pengadil bagi setiap perlawanan hendaklah membuat laporan dalam borang yang disediakan dan laporan tersebut hendaklah dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal MASUM dalam tempoh 48 jam setelah tamat setiap perlawanan.

17. PENGURUS VENUE

17.1 Semua tuan punya stadium yang ditentukan oleh MASUM hendaklah melantik seorang Pengurus Venue yang akan bertanggungjawab untuk pengelolaan perlawanan dan semua event-event sampingan.

17.2 Laporan Pengurus Venue hendaklah dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal MASUM pada malam yang sama selepas perlawanan atau selewat-lewatnya pada pagi keesokan hari.

18. KOORDINATOR PERLAWANAN

18.1 Seorang Koordinator Perlawanan akan dilantik oleh MASUM yang akan bertanggungjawab untuk semua aspek teknikal pengelolaan perlawanan dan penilaian pegawai-pegawai perlawanan.

18.2 Pasukan tuan rumah hendaklah memberi kerjasama yang penuh kepada Koordinator Perlawanan.

19. PEGAWAI PERHUBUNGAN

Semua pasukan tuan rumah hendaklah menyediakan seorang pegawai perhubungan untuk pasukan pelawat.

20. TELEVISYEN, PENYIARAN, IKLAN DAN GALAKAN DAGANG

20.1 Apa perlawanan pun tidak boleh direkodkan atau disiarkan oleh televisyen, stesen radio atau penerbit filem melainkan dengan persetujuan MASUM terlebih dahulu.

20.2 MASUM akan menentukan bayaran yang dikenakan.

20.3 Segala bahan iklan dan bahan galakan dagang di padang hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan MASUM dan segala pendapatan yang diterima hendaklah dibayar kepada MASUM.

20.4 Semua arahan berkenaan dengan perletakan papan-papan pengiklanan oleh MASUM hendaklah dipatuhi.

20.5 Segala bahan iklan dan bahan galakan dagang yang berhubung kait dengan rokok, tembakau dan minuman beralkohol adalah tidak dibenarkan sama sekali.

21. HAL-HAL YANG TIDAK DINYATAKAN

Segala hal yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini atau soal perbezaan taksiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan keputusan itu adalah muktamad.